

# Sentuhan firma seni bina antarabangsa

» *Pelan induk pembangunan Tun Razak Exchange guna konsep hijau*

Oleh Shahrizan Salian  
bhbiz@bharian.com.my

► Kuala Lumpur

**P**elan induk pembangunan Tun Razak Exchange yang mendapat sentuhan firma seni bina terkemuka antarabangsa, Machado and Silvetti Associates memiliki beberapa kelebihan dari segi reka bentuk pembangunannya berbanding daerah kewangan antarabangsa lain di seluruh dunia.

Kawasan seluas 26 hektar di tengah ibu kota itu akan dimajukan menggunakan konsep 'hijau dan memanfaatkan setiap ruang terbuka', sekali gus menjadikannya berbeza dengan daerah kewangan antarabangsa lain yang biasanya sinonim dengan persekitaran sibuk dan kurang selesa.

Antara mercu tanda di kawasan pelaburan baru itu pula ialah sebuah bangunan setinggi 80 tingkat, yang bakal menjadikannya salah satu bangunan pencakar langit tertinggi di negara ini.

Prinsipal Machado and Silvetti Associates, Jorge Silvetti, berkata Tun Razak Exchange akan dibangunkan dalam empat fasa dengan keseluruhannya dianggarkan mengambil masa sehingga 15 tahun.

"Pelan pembangunan keseluruhan bergantung juga kepada keperluan, proses dan pelaburan yang diterima pada masa akan datang," katanya ketika ditemui BH selepas pelancaran Tun Razak Exchange oleh Perdana Menteri,



Silvetti bersama **pelan pembangunan Tun Razak Exchange** selepas pelancaran oleh Perdana Menteri di ibu negara, semalam.

Datuk Seri Najib Razak semalam.

Machado and Silvetti Associates bekerjasama dengan firma seni bina tempatan, Akitek Jururancang (M) Sdn Bhd untuk mereka bentuk pelan induk Tun Razak Exchange.

#### **Pakar seni bina bandar moden**

Firma berpangkalan di Boston, Amerika Syarikat (AS) itu mempunyai kepakaran dalam bidang seni bina bandar dan moden, dengan pengkhususan bangunan institusi pendidikan serta muzium.

Tun Razak Exchange adalah projek pertamanya di Asia Timur. Ia berpengalaman memajukan projek di Asia Barat dan Amerika Selatan, namun kebanyakan projek yang dikendalikannya adalah di sekitar AS.

Firma itu dipilih sebagai perancang pelan induk Tun Razak Exchange selepas memenangi Pertandingan Reka Bentuk Menara oleh Institut Arkitek Malaysia tiga tahun lalu.

Mengulas lanjut pelan induk Tun Razak Exchange, Silvetti berkata cadangan pembangunannya akan memaksimumkan seluruh ruang terbuka yang ada di kawasan itu tanpa menjejaskan kawasan persekitarannya.

Pembangunan Tun Razak Exchange juga, katanya bertepatan dengan rancangan pembinaan MyRapid Transit (MRT) di kawasan berhampiran yang menjadikan akses ke wilayah kewangan itu lebih mudah dari kawasan lain di sekitar Lembah Klang.

► **Bisnes B2**

## Reka bentuk pertama di dunia

► **Dari muka B1**

"Ia akan dihubungkan secara teratur ke kawasan lain di pusat bandar. Paling menarik, ia mempunyai ciri alam sekitar seperti aliran air semula jadi serta akan dikelilingi

dengan banyak pokok," katanya sambil menambah reka bentuk sedemikian adalah yang pertama seumpamanya bagi sebuah daerah kewangan di dunia.

Beliau berkata, sebagai firma diberi tanggungjawab penuh mereka bentuk pelan induk Tun Ra-

zak Exchange, pihaknya akan mengikuti setiap arahan atau keperluan akan datang pemilik projek itu, 1Malaysia Development Bhd (1MDB).

"Tun Razak Exchange menjadi titik perubahan bagaimana sebuah daerah kewangan seharusnya berfungsi," katanya.